

DANA TAUTAN PENYELIDIKAN

1.0 TUJUAN

- a) Dana Tautan Penyelidikan 2017 ini adalah bertujuan untuk membantu penyelidik untuk mendapatkan pembiayaan bagi perkara-perkara berikut;
- Pembelian bahan penyelidikan seperti, bahan pakai habis, bahan kimia, alat tulis
 - Membuat kalibrasi & penyelenggaraan peralatan
 - Menjalankan survey & testing.
 - Mendapatkan perkhidmatan profesional
 - Pembelian data dan perisian
 - Bayaran gaji khidmat enumerator
 - Pensijilan
- b) Pembelian **aset adalah tidak dibenarkan.**
- c) Permohonan merupakan **keperluan kritikal bagi menyiapkan / menambah nilai projek** bagi membolehkan penghasilan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi. Permohonan mesti dikemukakan bersama-sama justifikasi lengkap yang menunjukkan gambaran jelas tahap keperluan permohonan.
- d) Sekiranya permohonan adalah bertujuan untuk kegunaan / keperluan projek baharu, pemohon adalah dinasihatkan untuk memohon geran penyelidikan.
- e) Jangkaan output yang dijanjikan akan diaudit oleh pihak RMC.
- f) Dana Tautan Penyelidikan ini **tidak dikategorikan sebagai geran penyelidikan** dan terimaan dana ini tidak boleh diisytiharkan sebagai terimaan geran penyelidikan melalui KM-Portal.

2.0 KELAYAKAN DAN SYARAT PERMOHONAN

- a) Dana ini terbuka kepada semua kakitangan akademik UPM sepenuh masa sama ada kakitangan tetap atau pun kontrak (termasuk felo dan pegawai penyelidik).
- b) Pemohon layak diluluskan **sekali sahaja dalam tahun semasa.** Sekiranya terdapat keperluan mendesak pemohon membuat permohonan berikutnya, namun kelulusan adalah tertakluk kepada pertimbangan JKRM.
- c) Siling dana adalah tidak lebih RM 10,000.
- d) Cara pembayaran dana adalah secara tuntutan bayaran oleh pemohon atau melalui pesanan belian / arahan bayaran melalui pihak Bendahari UPM.

3.0 TATACARA PERMOHONAN

- a) Borang permohonan dana ini boleh dimuat turun melalui laman web rmc www.rmc.upm.edu.my.
- b) Permohonan yang telah lengkap perlu dihantar ke Bahagian Geran Penyelidikan RMC. Sebarang pertanyaan berhubung dana ini boleh diajukan kepada urusetia dana di talian 03-89471253 / 1250.

PROSES PEMBAYARAN / TUNTUTAN DANA TAUTAN PENYELIDIKAN 2017

